

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	08 DECEMBER 2016

AKHIRNYA DAP YANG MENDAPAT UNTUNG



TUN Dr. Mahathir Mohamad pernah menegaskan, DAP adalah parti rasis manakala pemimpin DAP pula menyatakan beliau Perdana Menteri paling rasis, tetapi kini kedua-duanya bersatu - matlamat hanya satu menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan meranapkan pemerintahan Barisan Nasional (BN) yang UMNO menjadi tonggakunya.

Kalau dahulu dalam usaha mengekalkan kuasa dan kedudukannya, Dr. Mahathir merayu, menangis dan merintih supaya orang Melayu memahami bahaya yang menanti mereka jika UMNO tidak lagi berkuasa, kini semuanya sudah terbalik.

Ini memandangkan jika benar Dr. Mahathir memahami kepentingan UMNO kepada orang Melayu, dalam keadaan apa sekalipun beliau tidak akan bersekongkol dengan DAP kerana beliau sendiri pernah menyatakan;

"UMNO adalah parti politik, tetapi wujudnya UMNO bukan kerana hendak berpolitik semata-mata. UMNO ditubuhkan kerana kita tahu bahawa melalui politik kita boleh mempertahankan hak dan memperbaiki nasib orang Melayu, agama Islam dan negara kita Malaysia."

Tetapi sekarang, parti yang selama 22 tahun mempertahankan beliau sebagai Perdana Menteri mahu 'dikuburkan'. Segala-galanya kerana beliau kecewa apabila gerakannya untuk menjatuhkan Najib menemui kegagalan. Justeru apa yang Dr. Mahathir lakukan ialah bersedia merangkul sesiapa sahaja termasuklah DAP bagi melaksanakan agenda politik peribadinya.

Bagaimanapun tiada apa yang harus dihairankan kerana Dr. Mahathir juga manusia biasa. Hakikat inilah yang kerap dilupakan oleh penyokong-penyokong fana-



MAINAN politik Dr. Mahathir hanya memperkukuhkan lagi kedudukan DAP sehingga parti itu tidak perlu lagi mencari calon Melayu untuk meranapkan UMNO dan politik Melayu. - GAMBAR HIASAN

atik beliau. Mereka menyanjungi Dr. Mahathir seolah-olah beliau adalah manusia sempurna.

Kalaulah benar beliau mahu menyelamatkan Malaysia, ini bukanlah dengan cara bersekongkol dengan DAP bagi memusnahkan UMNO. Dr. Mahathir sudah pasti memahami segala strategi politik DAP sepanjang menerajui Malaysia, tetapi malangnya kebijaksanaan dan sikap teliti beliau dalam menangani sesuatu isu 'terburai' apabila berhadapan dengan usaha untuk menjatuhkan Najib.

Bayangkanlah hanya beberapa jam menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP di Shah Alam, Dr. Mahathir yang dianggap tokoh Melayu terbilang dan sering mengingatkan orang Melayu mengenai bahaya politik DAP akhirnya berkata, segalanya pandangan beliau berhubung parti itu adalah salah.

Sebagai seorang yang dianggap bijak dan seorang ahli politik yang sukar dibaca tindakannya, Dr. Mahathir sudah tentu memahami kesan daripada kenyataan tersebut, namun beliau sudah tidak mempedulikan itu semua.

Keadaan itu berlaku disebabkan sehingga ke hari ini Dr. Mahathir melihat segala usahanya untuk menjatuhkan Najib

menemui jalan buntu berbanding kejayaannya menyerang Tun Abdullah Ahmad Badawi sehingga Abdullah digantikan.

Sepanjang menjadi Perdana Menteri dan sehinggalah bersara, dengan keizinan Allah SWT, Dr. Mahathir sentiasa berjaya mencapai apa sahaja yang beliau inginkan sama ada dalam politik mahupun mentadbir negara.

Tetapi apabila beliau gagal untuk menjatuhkan Najib setelah segala usaha dilakukan, Dr. Mahathir mulalah 'meracau' sehingga sanggup terjun ke dalam gelanggang musuh politiknya.

Dr. Mahathir sedang memadam satu demi satu peringatannya kepada orang Melayu mengenai kepentingan UMNO dan ancaman politik DAP. Beliau akan mengheret Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk menjadi 'pak turut' terbaharu dalam pakatan pembangkang.

Walaupun Dr. Mahathir adalah Pengerusi PPBM, mempunyai rekod Perdana Menteri paling cemerlang, dianggap Bapa Pemodenan Malaysia, pemimpin memperjuangkan nasib umat Islam paling lantang dan suatu ketika dianggap pejuang orang Melayu, tetapi percayalah semua itu tidak akan diambik kira dalam pakatan pembangkang.

Dalam pakatan itu, suara DAP

akan menentukan segala-galanya. PKR, PAN dan PPBM perlu mengikut apa yang DAP mahu. Apa yang berlaku dalam pakatan ketika Pas bersama mereka dahulu sudah menjadi bukti, tetapi Dr. Mahathir mungkin tidak kisah, maklumlah DAP tidak akan menjadi Perdana Menteri.

Sebenarnya Dr. Mahathir bukannya tidak tau corak politik DAP, tetapi beliau sengaja melupakannya kerana selagi Najib tidak diturunkan, selagi itulah beliau tidak akan tidur lena. Agenda menjatuhkan Najib seolah-olah sudah menjadi agenda peribadi beliau sebab itulah Dr. Mahathir bersedia berperang dan memusnahi UMNO dengan apa cara sekalipun.

Dr. Mahathir tahu apa yang beliau lakukan boleh menjejaskan UMNO dalam pilihan raya dan menguntungkan DAP, tetapi Dr. Mahathir tidak peduli kerana beliau mengaggah 'pemimpin dan ahli UMNO bisu, buta dan pekak' disebabkan melak agenda politiknya untuk menjatuhkan Najib.

Oleh itu Dr. Mahathir tidak ada pilihan, selain melaksanakan apa yang pernah beliau kata 28 tahun lalu ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO, antaranya, "...Demikianlah degilnya mereka sehingga sanggup bekerjasama dengan DAP untuk menghancurkan kedudukan dan kekuasaan Melayu melalui UMNO."

Kesimpulannya, tindakan politik Dr. Mahathir hanya memperkukuhkan lagi kedudukan DAP dan paling menarik mereka tidak perlu lagi bersusah payah mencari calon Melayu untuk meranapkan UMNO kerana tugas itu akan dijalankan oleh Dr. Mahathir dan PPEM dengan 'dibantu' oleh PKR serta PAN.

Kini Dr. Mahathir sedang melaksanakan apa yang pernah beliau peringatkan dahulu iaitu, "Hari ini kita sudah sampai kepada satu tahap yang bahaya. Matlamat perjuangan orang Melayu belum tercapai, tetapi kerana perpecahan dalam kalangan orang Melayu, orang lain sudah berpeluang menanggung diair yang keruh..."

UM - 8/12/2016